

# KPM pastikan kekosongan guru terus diisi

**Nibong Tebal:** Kementerian Pendidikan (KPM) akan memastikan setiap sekolah yang kekosongan guru akan terus diisi bagi memastikan ekosistem serta keperluan murid dipenuhi.

Menterinya, Fadhlina Sidek, berkata sehingga kini lebih 98 peratus jawatan guru membatalkan 53,000 pelantikan sudah dibuat sejak tiga tahun lalu.

"Pengisian (jawatan guru) ini melebihi 98 peratus. Ini komitmen kita yang apabila ada kekosongan, kita isi dengan bersungguh-sungguh untuk memenuhi keperluan murid.

"Saya ucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang sangat memahami keperluan kerana pengisian guru ini akan memberi impak kepada isu lain.

"Ia termasuk mengurangkan beban guru dan PdP (proses pengajaran dan pembelajaran) yang lebih berimpak dalam kelas serta memberi kesan kepada pendidikan secara keseluruhan," katanya.

Fadhlina yang juga Ahli Par-

limen Nibong Tebal berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Majlis Penyerahan Aset Sekolah Angkat MADANI Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Bakap, di sini, semalam.

Yang turut sama, Pengerusi SPA, Datuk Seri Ahmad Jailani Muhamed Yunus.

## Usaha diteruskan

Fadhlina berkata, komitmen pengisian perjawatan guru itu akan diteruskan, selaras dengan pendekatan menangani kekurangan guru secara berperingkat dan mengikut kekosongan terkini.

"Pengisian jawatan guru ini adalah secara *back-to-back*, maknanya apabila ada kekosongan, kita terus isi.

"Usaha dan komitmen ini akan kita teruskan," katanya.

Seramai 52,948 guru baharu ditempatkan di sekolah seluruh negara dari tahun 2023 hingga 2025, meliputi 18,792 guru pada 2023, diikuti 13,983 guru pada 2024 dan 20,173 guru pada tahun ini.



Fadhlina dan Ahmad Jailani bersama murid pada Majlis Penyerahan Aset Sekolah Angkat MADANI SPA di SK Sungai Bakap, Nibong Tebal, semalam. (Foto BERNAMA)

